

Throat-lite

Diagnosis penyakit kerongkong kini lebih tepat, pantas

PEMERIKSAAN penyakit kerongkong kini lebih mudah, tepat dan pantas dengan inovasi *Throat-lite* yang dihasilkan pakar dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

Throat-lite menggabungkan penggunaan *wooden tongue depressor* atau spatula pakai buang sedia ada yang ditambah baik dengan lampu LED mini.

Untuk menggunakannya, lampu LED yang kecil, ringan dan boleh dipusing 360 darjah hanya perlu diklip pada *wooden tongue depressor*.

Ia hanya dipegang dengan sebelah tangan, manakala cahaya daripada lampu LED mini pada *wooden tongue depressor* boleh dihalakan tepat pada bahagian yang perlu diberi perhatian.

Pakar Patologi (Hematologi) (Pengkhususan Kaji Penyakit Bahagian Darah), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM, Prof Madya Dr Sabariah Md Noor berkata, melalui intervensi itu, pemeriksaan kerongkong dalam kalangan kanak-kanak akan menjadi lebih mudah dan membolehkan ia dilakukan seorang pengamal perubatan sahaja.

"Pengamal perubatan tidak memerlukan bantuan kakitangan sokongan atau ibu bapa pesakit untuk

TRIVIA

- *Throat-lite* telah memenangi anugerah pingat perak pada ISTEMO 2018.

memegang, meriba pesakit atau menstabilkan kedudukan kepala pesakit dan menenangkan kanak-kanak yang mungkin meragam sewaktu pemeriksaan dilakukan.

"Ini kerana *Throat-lite* ini bersaiz kecil, mudah alih dan praktikal, boleh memberi impak besar dalam tugas harian pengamal perubatan memberi rawatan segera dan bersesuaian berbanding pendiagnosisan penyakit," jelasnya.

Katanya, idea menghasilkan *Throat-lite* tercetus ketika perbincangan dengan Pakar Pediatrik Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu, Dr Shazreen@Fatimah Shaari kerana menyedari kesulitan dihadapi pengamal perubatan semasa pemeriksaan kerongkong kanak-kanak.

Perbincangan itu tambahnya, diketengahkan sebagai satu projek yang membabitkan dua pelajar tingkatan satu

Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya; Muhammad Danish Imtiaz Syamul Kamal dan Aiman Harun

Norashid pada Program Global I-Lead STEM Camp & International STEM Olympiad (GISC & ISTEMO) 2018 di UPM, baru-baru ini.

Sebelum program GISC itu, kaji selidik telah dijalankan dalam kalangan pengamal perubatan mengenai masalah dan keperluan pencahayaan yang baik sewaktu pemeriksaan kerongkong.

Sebanyak 90 peratus responden bersetuju pemeriksaan kaviti oral dalam kalangan kanak-kanak adalah



CARA penggunaan *Throat-lite* dengan lampu LED mini yang dipasang dan dihalakan ke kerongkong.



DR SABARIAH membuat pemeriksaan ke atas seorang kanak-kanak.

rumit berbanding pemeriksaan orang dewasa dan mereka sebulat suara bahawa sumber cahaya adalah keperluan yang amat penting dalam pemeriksaan kerongkong dengan baik.

Maklum balas mengenai tiga aspek utama yang paling membantu mereka sama ada reka bentuk, alat yang senang untuk digunakan, faktor mobiliti dan praktikaliti atau kesemua ciri tersebut, menunjukkan 46 peratus menyatakan mereka menyukainya kerana faktor mobiliti dan praktikaliti, 42 peratus

menghargai intervensi pemasangan lampu LED mini itu dan berpuas hati dengan ketiga-tiga aspek yang disenaraikan iaitu reka bentuk, faktor mudah alih dan praktikaliti.

Dr Sabariah berharap penggunaan *Throat-lite* dapat merealisasikan sebahagian misi dan visi Kementerian Kesihatan iaitu pemeriksaan pesakit dapat dilakukan dengan lebih cepat dan cekap ke arah pendiagnosisan penyakit yang tepat, seterusnya rawatan segera dan bersesuaian dapat dijalankan.

DR SABARIAH menunjukkan *Throat-lite*.

